

## PRULink US Equity Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2024 melainkan jika dinyatakan

### Ciri-ciri Dana

Objektif Pelaburan	<p><b>PRU</b>Link US Equity Fund (“Dana”) bertujuan untuk menyediakan peningkatan modal dalam jangka masa pelaburan yang sederhana sehingga panjang dengan melabur terutamanya dalam portfolio syarikat-syarikat AS, yang termasuk ekuiti, sekuriti berkaitan ekuiti, deposit, mata wang, derivatif atau mana-mana instrumen kewangan yang lain secara langsung, dan/atau tidak langsung menerusi penggunaan mana-mana dana seperti dana-dana berkaitan pelaburan yang kami tubuhkan, skim pelaburan kolektif dan/atau pertukaran dana yang diniagakan.</p>
Strategi Pelaburan & Pendekatan	<p>Dana ini akan melabur terutamanya dalam dana-dana pelaburan [Dana(-dana) Sasaran] untuk mencapai objektif pelaburan. Dana(-dana) Sasaran akan dipantau untuk menilai prestasi, proses, gaya dan kedudukan. Peruntukan ke, atau Dana(-dana) Sasaran mungkin berubah jika dianggap tidak sesuai untuk memenuhi objektif Dana.</p> <p><i>Nota: Rujuk kepada maklumat tambahan untuk butir-butir Dana(-dana) Sasaran.</i></p>
Peruntukan Aset	<p>Dana ini akan melabur sehingga 100% Nilai Aset Bersih (NAV) Dana dalam Dana(-dana) Sasaran yang ditentukan oleh Pengurus Dana. Baki Nilai Aset Bersih (NAV) Dana akan dilaburkan dalam aset cair.</p>
Piawaian Prestasi	<p>Piawaian prestasi aras akan berubah mengikut Dana(-dana) Sasaran. Penanda aras adalah:</p> <p>MSCI USA Investable Market Index (IMI)</p> <p><i>Untuk maklumat lanjut berkenaan penanda aras sila layari <a href="http://www.msci.com">www.msci.com</a></i></p>
Pengurus Dana	Prudential Assurance Malaysia Berhad 198301012262 (107655-U)

### Yuran & Caj


Caj Pengurusan Dana	1.50% setiap tahun
Caj-caj lain, jika ada	Tiada

## PRULink US Equity Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2024 melainkan jika dinyatakan

### Prestasi Dana

**PRULink US Equity Fund Vs. MSCI USA Investable Market Index (IMI)**



**Nota:** Graf-graf adalah bagi tujuan penjelasan sahaja. Prestasi masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya.

Tahun	Prestasi PRULink US Equity Fund	Piawaian Prestasi MSCI USA Investable Market Index (IMI)
2022	-11.67%*	-16.15%*
2023	35.48%	24.21%
2024	27.06%	22.15%

\*Prestasi dana adalah dari tarikh lancar dana sehingga akhir tahun untuk tahun yang sama.

*Sumber: Lipper IM and Bloomberg, 31 Disember 2024*

**Notis:** Prestasi dana masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya. Ini hanya adalah bagi prestasi dana pelaburan / dasar, dan bukan pulangan daripada premium yang dibayar oleh produk insurans berkaitan pelaburan.

## PRULink US Equity Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2024 melainkan jika dinyatakan

Asas kiraan prestasi masa lalu:

$$= \left( \frac{\text{Nilai Aset Bersih pada Tahun } n}{\text{Nilai Aset Bersih pada Tahun } n - 1} - 1 \right) \%$$

### Maklumat Tambahan untuk PRULink US Equity Fund

Pada permulaan, Dana ini akan melabur dalam JPMorgan Funds – US Growth Fund C (acc) - USD (“Dana Sasaran”) yang diuruskan oleh J.P. Morgan Investment Management Inc.

Dana Sasaran bertujuan untuk menyediakan pertumbuhan modal dalam jangka masa panjang dengan melabur terutamanya dalam portfolio gaya pertumbuhan bias syarikat-syarikat AS.

Dana Sasaran melabur sekurang-kurangnya 67% aset dalam portfolio gaya pertumbuhan bias ekuiti syarikat-syarikat yang berdomisil atau menjalankan bahagian utama aktiviti ekonomi mereka, di AS. Dana Sasaran juga melabur sekurang-kurangnya 51% aset-aset dalam syarikat-syarikat yang mempunyai persekitaran positif dan / atau ciri-ciri sosial yang megikut amalan tadbir urus yang baik.

Dana Sasaran mungkin menggunakan derivatif-derivatif dengan tujuan untuk mengurangkan risiko atau mengurus Dana dengan lebih cekap. Dana Sasaran mungkin terlibat dalam pinjaman sekuriti dengan maksimum 20%.

Prestasi dana bagi dasar JPMorgan Funds – US Growth Fund C (acc) - USD hingga dan pada 31 Disember 2024 adalah seperti berikut:

Tahun	2024	2023	2022	2021	2020	2019	2018	2017	2016	2015
Prestasi Bersih	34.32%	36.08%	-26.12%	19.22%	55.67%	38.62%	-0.31%	37.54%	-2.57%	7.28%

Nota: Pulangan di atas adalah untuk Dana Sasaran (Kelas C Acc) yang berdominasi dalam USD.

Sumber: J.P. Morgan Asset Management pada 31 Disember 2024

Yuran pengurusan boleh dikenakan pada peringkat Dana dan/atau Dana(-dana) Sasaran. Sila ambil perhatian bahawa anda akan dikenakan caj maksima sebanyak 1.50% setahun, yang merupakan gabungan bagi caj pengurusan dana tahunan pada peringkat Dana dan Dana(-dana) Sasaran.

Dana(-dana) Sasaran dengan strategi pelaburan yang melabur dalam Dana Dagangan Bursa (“ETF”) atau Skim Pelaburan Kolektif yang lain mungkin dikenakan yuran tambahan pada peringkat Dana Sasaran yang diambil sebagai sebahagian daripada pertimbangan strategi pelaburan untuk meningkatkan prestasi dana.

# **PRULink US Equity Fund**

Semua data seperti pada 31 Disember 2024 melainkan jika dinyatakan

## **Risiko-Risiko Pelaburan bagi PRULink US Equity Fund**

Dana ini tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan amaun pokok yang dilaburkan. Nilai unit mungkin turun dan juga naik. Selain itu, Dana ini juga tertakluk kepada risiko tertentu termasuk dan tidak terhad kepada:

### **Risiko-Risiko Umum apabila Melabur dalam Dana ini**

#### **Risiko Pasaran**

Risiko pasaran merujuk kepada potensi kerugian yang mungkin dialami akibat perubahan-perubahan buruk dalam keadaan pasaran. Keadaan pasaran secara umumnya, dijejaskan oleh, di antara lain-lain, kestabilan ekonomi dan politik. Jika pasaran di mana Dana ini melabur mengalami kelembapan atau ketidakstabilan akibat keadaan ekonomi atau politik yang buruk, ini boleh memberi kesan negatif kepada harga pasaran pelaburan bagi Dana ini.

#### **Risiko Kecairan**

Risiko kecairan ini merujuk kepada dua senario. Senario pertama adalah di mana pelaburan tidak boleh dijual akibat ketiadaan pembeli untuk pelaburan tersebut. Senario kedua adalah di mana pelaburan tersebut merupakan dagangan kecil. Sekiranya pelaburan dalam Dana Sasaran merupakan dagangan kecil, ini boleh menyebabkan Dana ini untuk melepaskan pelaburan tersebut pada harga yang tidak menguntungkan di pasaran dan boleh memberi kesan negatif kepada pelaburan pelabur. Risiko ini boleh dikurangkan melalui proses pemilihan sekuriti yang ketat.

#### **Risiko Inflasi**

Risiko ini merujuk kepada kemungkinan pelaburan pelabur tidak seiring dengan inflasi, maka mengakibatkan kekurangan kuasa beli pelabur walaupun pelaburan dalam segi kewangan mungkin telah meningkat.

#### **Risiko Kadar Faedah**

Risiko kadar faedah adalah risiko am yang mempengaruhi dana konvensional. Perkara ini tetap terjadi walaupun dana konvensional hanya melabur dalam pelaburan yang mengikut mandat. Sebab untuk ini adalah kerana tahap kadar faedah yang tinggi akan menjasakan keuntungan syarikat yang tidak dapat dielakkan dan memberi kesan kepada nilai kedua-dua ekuiti dan sekuriti hutang. Risiko ini amat penting dalam dana bon kerana pengurusan portfolio bon bergantung kepada ramalan pergerakan kadar faedah. Harga bon bergerak bertentangan dengan pergerakan kadar faedah, oleh itu apabila kadar faedah meningkat, harga bon menurun dan sebaliknya. Tambahan pula, bon dengan tempoh matang yang lebih panjang dan kadar keuntungan yang lebih rendah adalah lebih sensitif terhadap pergerakan kadar faedah.

#### **Risiko Kredit / Kemungkinan**

Bon adalah terdedah kepada risiko kredit / kemungkinan sekiranya penerbit instrumen tersebut menghadapi masalah kewangan, yang boleh mengurangkan kebolehpercayaan kredit mereka. Ini mungkin boleh menjurus kepada pengingkaran dalam pembayaran wang pokok dan faedah.

#### **Risiko Ketidakpatuhan**

Risiko ini timbul daripada ketidakpatuhan dengan undang-undang, peraturan dan undang-undang, praktik-praktik yang ditetapkan serta dasar dan prosedur dalam syarikat pengurusan, contohnya, akibat kesilapan syarikat pengurusan. Ketidakpatuhan ini boleh memaksa syarikat pengurusan untuk menjual sekuriti-sekuriti Dana ini dengan kerugian untuk membetulkan ketidakpatuhan dan maka menjasakan nilai pelaburan pelabur dalam Dana ini. Untuk mengurangkan

## **PRULink US Equity Fund**

Semua data seperti pada 31 Disember 2024 melainkan jika dinyatakan

risiko ini, kawalan dalaman telah disediakan oleh Pengurus Dana untuk menegaskan pematuhan undang-undang, peraturan dan undang-undang, praktik-praktik yang ditetapkan serta dasar dan prosedur dalaman Pengurus Dana dengan berterusan.

### **Risiko Tumpuan**

Ini adalah risiko dana memberi tumpuan sebahagian besar asetnya dalam pilihan pelaburan yang lebih kecil. Kejatuhan harga ekuiti tertentu dan / atau pelaburan pendapatan tetap akan memberi kesan yang lebih besar kepada dana dan dengan itu menyebabkan kerugian lebih besar. Risiko ini boleh dikurangkan oleh pengurus dengan melakukan analisis asas yang lebih teliti sebelum melabur dalam setiap sekuriti.

### **Risiko Syarikat Pengurusan**

Prestasi Dana bergantung kepada pengalaman, kecekapan dan pengetahuan syarikat pengurusan. Sekiranya syarikat pengurusan mempunyai kekurangan dalam kualiti-kualiti di atas, ia mungkin akan memberi kesan buruk kepada prestasi Dana.

### **Risiko Mata Wang**

Dana ini berdenominasi dalam MYR, manakala Dana(-dana) Sasaran mungkin berdenominasi dalam mata wang lain. Prestasi Dana mungkin dipengaruhi oleh pergerakan dalam kadar penukaran antara mata wang MYR dan mata wang denominasi Dana(-dana) Sasaran. Di mana berkenaan, lindung nilai mata wang atau kelas dana lindung nilai mata wang mungkin digunakan untuk meminimumkan risiko mata wang.

### **Risiko Derivatif**

Derivatif mungkin digunakan untuk melindung nilai daripada sebarang risiko yang mungkin dikaitkan dengan melabur dalam Dana(-dana) Sasaran, seperti, tetapi tidak terhad kepada, risiko mata wang.

### **Risiko Portfolio**

Dana ini bertujuan untuk pelabur yang boleh menerima risiko yang berkaitan dengan pelaburan terutamanya dalam sekuriti yang dipegang dalam Dana. Pelaburan dalam ekuiti akan tertakluk kepada risiko yang berkaitan dengan ekuiti dan sekuriti yang berkaitan dengan ekuiti, termasuk naik turun harga pasaran, penerbit buruk atau maklumat pasaran dan hakikat bahawa ekuiti dan faedah yang berkaitan dengan ekuiti adalah lebih rendah dalam hak pembayaran dari sekuriti korporat lain, termasuk sekuriti hutang. Begitu juga, pelaburan dalam sekuriti pendapatan tetap tertakluk kepada risiko yang berkaitan dengan sekuriti hutang termasuk risiko kredit dan risiko kadar faedah, dan risiko tambahan yang berkaitan dengan sekuriti hutang hasil tinggi, penyertaan dalam pinjaman dan sekuriti derivatif. Di samping itu, pelabur harus sedar tentang risiko yang berkaitan dengan teknik pengurusan aktif yang dijangka akan digunakan oleh Dana.

### **Risiko-Risiko Khusus apabila Melabur dalam Dana(-dana) Sasaran atau Dana(-dana) Sub (secara kolektif dikenali sebagai "Dana(-dana) Sasaran")**

#### **Risiko Sekuriti**

Pergerakan harga yang buruk sekuriti tertentu dilaburkan oleh Dana(-dana) Sasaran boleh memberi kesan negatif kepada nilai aset bersih Dana(-dana) Sasaran. Pengurus Dana(-dana) Sasaran berusaha untuk mengurangkan kesan risiko sekuriti tertentu melalui kepelbagaian portfolio, yang akan membantu dalam penyebaran unsur risiko.

## **PRULink US Equity Fund**

Semua data seperti pada 31 Disember 2024 melainkan jika dinyatakan

### **Risiko Pengurusan Dana(-dana) Sasaran**

Walaupun Pengurus Dana akan menggunakan kemahiran dan kecermatan yang sewajarnya dalam memilih Dana(-dana) Sasaran, ia tidak mempunyai kawalan dalam pengurusan Dana(-dana) Sasaran dan objektif pengurusan akan dipenuhi adalah tidak dijamin. Ini mungkin menyebabkan pemegang-pemegang polisi mengalami kerugian dalam pelaburan mereka dalam Dana(-dana) Sasaran.

Dana(-dana) Sasaran mungkin mengubah objektifnya dan menjadi tidak selaras dengan objektif Dana ini. Dalam keadaan itu, Pengurus Dana akan menggantikan Dana(-dana) Sasaran dengan skim pelaburan kolektif lain yang mana Pengurus Dana menganggapnya lebih sesuai untuk memenuhi objektif Dana ini.

### **Risiko Kesilapan dalam Pengiraan Nilai Aset Bersih Dana(-dana) Sasaran**

Terdapat kemungkinan wujudnya kesilapan dalam pengiraan nilai aset bersih Dana(-dana) Sasaran. Sekiranya kesilapan itu berlaku, nilai aset bersih Dana(-dana) Sasaran akan terjejas, dengan itu, Dana(-dana) Sasaran akan mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam peruntukan peraturan berkaitan yang berkenaan dengan Dana(-dana) Sasaran. Pampasan, jika ada, yang dibayar oleh Dana(-dana) Sasaran (tertakluk kepada undang-undang bidang kuasa di mana Dana(-dana) Sasaran itu bermastautin), akan dikreditkan kepada Dana ini sebagaimana dan apabila pampasan diterima.

Memandangkan perkara tersebut di atas, pemegang-pemegang polisi perlu sedar bahawa terdapatnya keadaan di mana baik Dana(-dana) Sasaran maupun Pengurus Dana tidak akan terikat untuk membayar pampasan kepada pemilik benefisial yang terakhir.

### **Risiko Kecairan**

Risiko kecairan ini merujuk kepada dua senario. Senario pertama adalah di mana kecairan Dana(-dana) Sasaran yang diperuntukkan adalah tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan penebusan. Senario kedua adalah di mana Dana(-dana) Sasaran merupakan dagangan kecil. Sekiranya pelaburan dalam Dana(-dana) Sasaran merupakan dagangan kecil, ini boleh menyebabkan Dana(-dana) Sasaran untuk melepaskan pelaburan tersebut pada harga yang tidak menguntungkan di pasaran dan boleh memberi kesan negatif kepada pelaburan pelabur. Risiko ini boleh dikurangkan melalui proses pemilihan keselamatan yang ketat.

### **Risiko Negara-negara atau Sekuriti-sekuriti Asing**

Risiko ini berkaitan dengan pelaburan dalam sekuriti-sekuriti tersenarai atau bermastautin di negara-negara selain daripada negara mastautin. Sebarang perubahan-perubahan dalam asas ekonomi, kestabilan sosial dan politik, ketidakpastian atau perubahan dalam mata wang rasmi negara, pergerakan mata wang dan dasar pelaburan asing di negara-negara ini boleh meningkatkan turun naik dalam nilai-nilai aset, kecairan dan risiko kemungkiran yang mungkin mempunyai kesan ke atas harga-harga sekuriti yang dilaburkan oleh Dana(-dana) Sasaran dan maka juga boleh menjelaskan nilai aset bersih Dana(-dana) Sasaran. Pelaburan di pasaran tertentu mungkin dihadkan atau dikawal. Di sesetengah negara, pelaburan langsung dalam sekuriti-sekuriti mungkin dilarang dan dihad disebabkan oleh keperluan kawal selia. Sekatan-sekatan ini boleh meningkatkan kos urus niaga dan memberi kesan negatif kepada kecairan sekuriti dan harga yang berkaitan dengan sekuriti. Pengurus Dana(-dana) Sasaran akan memantau dan memerhati perkembangan di negara-negara di mana aset-aset Dana(-dana) Sasaran diperuntukkan. Di samping itu, Pengurus Dana(-dana) Sasaran juga akan menggunakan proses pelaburan yang sistematis, yang merangkumi penilaian yang kerap, untuk menguruskan dan mengurangkan risiko ini.

## **PRULink US Equity Fund**

Semua data seperti pada 31 Disember 2024 melainkan jika dinyatakan

### **Risiko Mata Wang**

Pelaburan dasar Dana(-dana) Sasaran ini mungkin berdenominasi dalam mata wang tempatannya, yang mungkin berlainan daripada mata wang Dana(-dana) Sasaran. Prestasi Dana(-dana) Sasaran mungkin dipengaruhi oleh pergerakan dalam kadar penukaran antara mata wang pelaburan dasar dan mata wang Dana(-dana) Sasaran.

### **Risiko Caj-Caj kepada Modal**

Caj-caj dan perbelanjaan Dana(-dana) Sasaran adalah diambil daripada modal, secara keseluruhan atau sebahagian, menyebabkan kemungkinan kekangan pertumbuhan modal.

### **Sekatan pada Pelaburan Asing**

Beberapa negara melarang atau mengenakan sekatan-sekatan yang teguh pada pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh entiti-entiti asing. Terdapat juga keadaan di mana pesanan pembelian kemudiannya gagal kerana peruntukan yang dibenarkan kepada pelabur-pelabur asing telah diisi, melucutkan keupayaan Dana(-dana) Sasaran untuk membuat pelaburan yang diingini pada masa tersebut.

### **Risiko Derivatif**

Pengurus(-pengurus) Dana Sasaran mungkin melabur dalam derivatif yang akan tertakluk kepada risiko-risiko. Walaupun penggunaan derivatif secara bijaksana oleh pengurus-pengurus pelaburan profesional boleh mendatangkan manfaat, namun derivatif melibatkan risiko yang berbeza daripada, dan dalam sesetengah hal, lebih tinggi daripada risiko yang terdapat dalam pelaburan sekuriti yang lebih tradisional. Antara risiko yang dikaitkan dengan derivatif ialah risiko pasaran, risiko pengurusan, risiko kredit, risiko kecairan dan risiko keumpilan. Pelaburan dalam derivatif mungkin memerlukan wang pendahuluan atau margin permulaan dan margin tambahan dengan notis yang singkat jika pasaran bergerak berlawanan dengan kedudukan pelaburan. Jika tiada peruntukan dibuat bagi margin yang diperlukan dalam tempoh masa yang ditetapkan, maka pelaburan itu mungkin dicairkan pada harga yang merugikan. Justeru itu, pelaburan dalam derivatif perlu sekali diawasi dengan rapi.

Pengurus(-pengurus) Dana Sasaran mempunyai kawalan yang diperlukan bagi pelaburan dalam derivatif dan mempunyai sistem-sistem yang sesuai untuk mengawasi kedudukan derivatif bagi Dana(-dana) Sasaran ini. Pengurus(-pengurus) Dana Sasaran tidak berhasrat untuk menggunakan urus niaga derivatif bagi tujuan spekulasi atau keumpilan tetapi mungkin menggunakan untuk pengurusan portfolio yang cekap dan/atau pengurusan risiko. Risiko mata wang merupakan salah satu risiko pasaran yang akan dihadapi oleh dana ini dan nilai boleh dilindung dengan menggunakan derivatif seperti kontrak depan/niaga hadapan pertukaran asing. Selalunya risiko mata wang pendasar mungkin ditanggung akibat membeli ekuiti atau bon pendasar. Jika Pengurus(-pengurus) Dana Sasaran tidak mahu menanggung risiko mata wang yang dikaitkan dengan aset pendasar ini, Dana(-dana) Sasaran ini boleh menggunakan kontrak Depan Pertukaran Asing untuk melindung nilai sebarang risiko mata wang yang timbul daripada pemegangan kedudukan mata wang bukan asas. Pada dasarnya, penggunaan kontrak depan mata wang ini ialah untuk melindung nilai dana daripada risiko mata wang dalam Dana(-dana) Sasaran.

### **Risiko Pinjaman Sekuriti**

Dana(-dana) Sasaran membenarkan pinjaman sekuriti sehingga maksimum 20% mungkin tertakluk kepada risiko. Risiko utama adalah peminjam mungkin menjadi muflis dan / atau nilai cagaran yang disediakan jatuh di bawah kos yang mengantikan sekuriti yang telah dipinjamkan. Jika kedua-dua perkara ini berlaku, Dana(-dana) Sasaran akan mengalami kerugian kewangan yang sama dengan perbezaan antara kedua-duanya. Dana(-dana) Sasaran mungkin terdedah kepada potensi kerugian lain daripada risiko pelaburan semula cagaran tunai, sekuriti yang dipinjamkan dihantar kepada

## **PRULink US Equity Fund**

Semua data seperti pada 31 Disember 2024 melainkan jika dinyatakan

peminjam sebelum cagaran diterima dan perjanjian pemberi pinjaman tidak memberikan perlindungan penuh sekiranya peminjam ingkar.

### **Risiko Gaya Bias**

Tumpuan Dana(-dana) Sasaran dalam nilai atau pertumbuhan atau gaya pelaburan tertentu mungkin tertakluk kepada tempoh prestasi yang kurang baik kerana nilai saham atau saham pertumbuhan atau saham dengan jenis gaya tertentu mungkin menunjukkan prestasi yang berbeza berbanding piawaian pada masa yang berbeza.

*Senarai di atas tidak sepautnya dianggap sebagai senarai risiko-risiko yang lengkap, yang perlu dipertimbangkan oleh pelabur sebelum membuat pelaburan dalam Dana. Pelabur-pelabur sepautnya sedar bahawa sebarang pelaburan di dalam Dana mungkin terdedah kepada risiko-risiko lain dari semasa ke semasa.*

## **Pengurusan Risiko**

### **Risiko Peramalan**

Risiko yang berpotensi diambil kira dalam proses peruntukan sektor dan pemilihan saham berdasarkan analisis dalam pelbagai faktor utama seperti keadaan ekonomi, keciran, aspek kualitatif dan kuantitatif sekuriti.

### **Kawalan Sistem**

Parameter risiko ditetapkan secara dalaman bagi setiap dana, bergantung kepada profil risiko pelanggan. Parameter risiko termasuk had pertaruhan penerbit, penerbit kumpulan, ketarafan sektor dan saiz terbitan sekuriti yang dipegang dalam portfolio.

Sistem pejabat depan ditempatkan untuk memantau risiko portfolio, bertindak sebagai penapis automatik untuk sebarang had-had atau pelanggaran.

# PRULink US Equity Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2024 melainkan jika dinyatakan

## Maklumat Lain

• Pasaran Sasaran	Dana ini sesuai untuk Pemegang-pemegang polisi yang:- <ul style="list-style-type: none"><li>• Mencari peningkatan modal dalam jangka masa pelaburan yang sederhana sehingga panjang.</li><li>• Mempunyai toleransi risiko yang tinggi.</li></ul>
• Dasar & Kekerapan Penilaian Unit	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penghargaan unit dibuat setiap hari perniagaan.</li><li>• Harga Unit bagi Dana ini pada sebarang Tarikh Penilaian hendaklah bersamaan dengan nilai dana dibahagikan dengan bilangan unit yang dikeluarkan pada Tarikh Penilaian.</li><li>• Nilai Dana ialah nilai semua aset Dana <b>PRULink Global</b> selepas pemotongan belanja bagi pengurusan, memperolehi, pengkekalan dan penilaian aset dana, cukai atau levi mengikut undang-undang yang ditanggung oleh Prudential Assurance Malaysia Berhad (“Prudential”) ke atas pendapatan pelaburan atau keuntungan modal aset Dana dan sebarang pendapatan terakru atau dijangkakan.</li><li>• Prudential akan menilai pelbagai Dana-dana <b>PRULink Global</b> pada akhir hari perniagaan (Tarikh Penilaian). Walaubagaimanapun, nilai pelaburan Dana-dana <b>PRULink Global</b> dalam syer, sekuriti faedah tetap dan instrumen pasaran wang pada akhir suatu Tarikh Penilaian hanya akan diketahui satu hari perniagaan nanti, Harga Unit dana <b>PRULink Global</b> akan ditentukan oleh Prudential pada suatu Tarikh Penilaian hanya akan dibuat dan diberitahu kepada Pemegang Polisi selepas 2 hari perniagaan nanti (T + 2).</li><li>• Untuk mendapatkan balik kos memperoleh dan membuang aset-aset, pembetulan kos urus niaga mungkin dibuat kepada nilai dana untuk memulihkan sebarang amaun di mana Dana ini telah atau dijangka untuk membayar bagi penghasilan dan pembatalan unit-unit.</li></ul>
• Keadaan-keadaan Luar Biasa	<ul style="list-style-type: none"><li>• Prudential tidak dipaksa untuk menebus atau menukar pada Hari Penilaian lebih daripada 10% Dana <b>PRULink Global</b> yang lebih pada suatu Hari Penilaian.</li><li>• Prudential juga berhak dalam keadaan pengecualian (sebagai contoh, apabila terdapat jumlah besar jualan pelaburan jangka masa yang pendek) untuk menangguhkan penukaran atau penebusan Unit-unit dan penyerahan Polisi untuk tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh permohonan.</li><li>• Prudential mungkin menangguhkan penghargaan unit dan urusniaga polisi jika mana-mana penukaran di mana dana dilaburkan ditunda dari berdagang untuk sementara. Dalam keadaan tersebut, suatu notis untuk penangguhan mungkin diterbit dan mungkin diberitahu kepada orang diinsuranskan apabila tokokan, penukaran, penebusan atau pengeluaran ke/dari mana-mana Dana <b>PRULink Global</b>.</li></ul>

*Senarai keadaan-keadaan luar biasa di atas tidak lengkap. Sila rujuk kepada dokumen polisi anda untuk butir-butir yang lengkap.*